

# Semangat jitu

METRO (Setempat) 15/10/10 (Jumat) MS/49

Pensyarah tidak putus asa genggam PhD selepas dua kali bedah jantung

FOTO: Asrol Awang



Kampus



>>Oleh Zaitie Satibi

am@hmetro.com.my

**K**UANTAN: "Saya menamatkan pengajian dalam keadaan tidak sihat apabila dua kali menjalani pembedahan berkaitan masalah jantung. Sehubungan itu, kejayaan ini ingin saya kembalikan dengan bersyukur kepada Allah kerana membolehkan saya memotivasi individu lain yang membuat ijazah doktor falsafah (PhD) untuk menamatkan pengajian dalam tempoh ditetapkan," kata pensyarah kanan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Mohd Ghani Awang, 54, semalam.

Beliau berkata, walaupun usia melebihi 50 tahun, beliau tidak pernah menganggap faktor itu penghalang cemerlang dalam akademik.

Malah, berkat usaha gigih dan sokongan keluarga, pensyarah serta rakan, beliau berjaya menggenggam PhD dalam bidang Pengurusan Teknologi di Majlis Konvo-



KASIH...  
Safinas (kiri)  
membantu  
Dr Mohd  
Ghani  
sebelum  
majlis  
konvokesyen.

kesyen Ke-5 universiti berkenaan bersama 1,030 graduan lain baru-baru ini.

Pada majlis itu, Dr Mohd Ghani yang juga graduan sulung UMP menerima transkrip ijazah berkenaan daripada Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

"Saya tidak pernah berputus asa menuntut ilmu, malah ketika pengajian saya

pernah dimasukkan ke Unit Rawatan Koronari (CCU). Bagaimanapun, kerana tekad menamatkan pengajian saya teruskan dengan memperuntukkan masa sekurang-kurangnya satu jam sehari untuk penyelidikan bagi pengajian ijazah kedoktoran itu.

"Bagi saya, PhD memang mencabar, jadi perlu banyak menelaah dan pastikan sahih mengenai setiap baris tesis

itu," katanya.

Katanya, selain perancangan yang mesti dilaksanakan dengan penuh disiplin, semangat dalam diri perlu kuat, begitu juga sokongan daripada keluarga dan kawan.

"Saya mengucapkan jutaan terima kasih terhadap sokongan dan pengorbanan isteri, Safinas Mohd Sharif, 43, yang amat memahami dan sentiasa memberi sokongan kuat.